

PM mahu umat Islam lepaskan diri dari kemunduran

^{um 21 SET 1991}
KUALA LUMPUR 20 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mottamad mengingatkan umat Islam supaya melepaskan diri daripada terus dibelenggu kemunduran dan sentiasa berharap belas ihsan orang lain.

Perdana Menteri berkata, Islam melarang umatnya bersikap pasif dan membiarkan orang lain mengaut segala kemewahan serta kejayaan di dunia, sedangkan umat Islam terus berada dalam kemiskinan dan kejahilan.

"Kebahagiaan hidup di dunia tidak mungkin tercapai tanpa berikhtiar serta berjihad yang berterusan untuk melepaskan diri dari keadaan yang tidak baik kepada keadaan yang lebih baik," katanya dalam perutusan pada buku cenderamata sempena sambutan Maulidur Rasul 1412 Hijrah di Pusat Islam di sini hari ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, sejarah telah membuktikan bahawa keagungan yang dicapai oleh umat Islam di zaman Rasulullah S.A.W. dan selepasnya adalah disebabkan keikhlasan dan kesanggupan mereka bekerja kuat, produktif, di samping berani dan mampu bersaing dalam mengendalikan pelbagai perkara demi kejayaan agama Islam.

"Justeru itu, kita harus bersama-sama menghayati ajaran Islam seperti yang disampaikan oleh baginda Rasulullah S.A.W. melalui sumber - sumber yang murni supaya dengan itu kita akan dapat kembali menjadi umat yang agung, dihormati dan diredai Allah," kata Perdana Menteri.